

12 NOV 1999

Razaleigh-Wanita

BN CADANG LANTIK WANITA SEBAGAI EXCO KERAJAAN KELANTAN

KOTA BAHARU, 12 Nov (Bernama) -- Wanita akan dipertimbangkan menjadi anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri (Exco) Kelantan sekiranya Barisan Nasional (BN) berjaya menawan semula negeri itu daripada PAS pada pilihan raya umum ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah berkata langkah itu sebagai usaha memberi lebih banyak ruang kepada wanita untuk membangunkan golongannya sendiri.

"Insya-Allah kita (BN) akan bincang supaya wanita juga ada tempat dalam Exco," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Wanita Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Ditanya mengenai calon-calon termasuk wanita yang akan bertanding pada pilihan raya umum ini, Tengku Razaleigh berkata senarai nama calon itu telah dikemukakan dan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membuat keputusan.

Beliau berkata tumpuan sekarang ialah untuk membangkitkan semangat seluruh wanita di negeri ini supaya membuat perubahan dengan mengundi BN pada pilihan raya umum ini, agar terbentuk sebuah kerajaan yang benar-benar berkeupayaan menaikkan martabat wanita.

Pada pilihan raya sebelum ini, wanita berbelah bahagi untuk memberi sepenuh sokongan kepada BN kerana terpengaruh dengan budaya pecah belah hasil amalan politik karut PAS, katanya.

Katanya, penyalahgunaan agama oleh pemimpin PAS menyebabkan berlakunya perpecahan itu sehingga tidak bertegur sapa sesama Islam.

Ketika berucap, Tengku Razaleigh berkata UMNO dalam perjuangannya tidak pernah mengenyepikan wanita malah mereka diberi peluang seluas-luasnya termasuk menjadi calon pilihan raya dan sama-sama membuat dasar negara.

Beliau berkata bagi UMNO, wanita bukan warganegara kelas dua atau hanya duduk di dapur termasuk menjadi perayu undi sewaktu pilihan raya sahaja tetapi mereka adalah golongan yang diberi sanjungan tinggi.

"UMNO memberi tempat kepada wanita dalam banyak kedudukan penting negara termasuk menjadi anggota Parlimen, anggota Dewan Undangan Negeri dan menjadi menteri Kabinet," katanya.

Tengku Razaleigh berkata UMNO berpendapat tiada orang lain yang boleh memperjuangkan nasib wanita melainkan wanita itu sendiri dan pelbagai saluran disediakan untuk mereka berbuat demikian.

Katanya, UMNO tidak pernah menghalang wanita bekerja walaupun mereka comel kerana bekerja bukan semata-mata untuk mencari wang tetapi untuk memberi sumbangan kepada pembinaan ummah dan negara.

Beliau berkata, wanita Kelantan memang terkenal sebagai tokoh korporat, namun masih tiada usaha untuk mengembangkan keupayaan mereka dari segi latihan, penyeliaan, modal, pengurusan dan pemasaran.

"Kita tak mahu keusahawanan wanita kita hanya berakhir sebagai tok peraih dan gerai-gerai sahaja. Ia mesti dikembangkan menjadi golongan korporat seperti Siti Khadijah isteri Rasulullah," katanya.

Sehubungan itu, Tengku Razaleigh mengajak wanita Kelantan menolak ajaran karut PAS yang menyeleweng dari ajaran Islam apabila mengatakan wanita tidak boleh bekerja, tidak boleh bertanding pada pilihan raya, hanya layak duduk di dapur dan menjadi peraih undi.

Beliau berkata, sekiranya semua wanita di negeri ini bersatu, mereka boleh menumbangkan kerajaan yang ada dan menggantikannya dengan kerajaan baru malah menteri besar juga boleh dilantik dari kalangan mereka kerana 54

peratus jumlah pengundi di negeri ini adalah wanita.

"Sebab itu wanita mesti menentukan agenda sendiri menjelang pilihan raya umum ini. Agenda yang boleh menjamin masa depan wanita termasuk memilih kerajaan yang lebih bertanggungjawab dan berkemampuan," katanya.

Beliau berkata, segala masalah yang dihadapi wanita akibat kelemahan pemerintahan kerajaan PAS sejak 10 tahun lepas, akan diatasi oleh BN apabila memenangi pilihan raya umum ini.

"Hanya melalui kerajaan negeri yang akrab dengan kerajaan pusat sahaja segala rancangan untuk masa depan wanita, rakyat Kelantan dapat dilaksanakan dengan mudah. Oleh itu kita tidak ada pilihan melainkan memilih BN dalam pilihan raya ini," katanya.

--Bernama

BD zb